

Ranking UM antara 400 teratas dunia

■ KUALA LUMPUR 6 SEPT.

UNIVERSITI Malaya (UM) menduduki tempat antara 400 teratas dalam Times Higher Education World University Rankings 2018, termasuk dalam senarai 1,000 universiti teratas dari 77 negara.

Dalam kenyataan hari ini, Times Higher Education (THE) berkata UM, yang baru dimasukkan ke dalam senarai itu, termasuk dalam kelompok 351-400, manakala Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten), yang disenaraikan untuk julung kalinya, masing-masing termasuk dalam kelompok 501-600 dan 801-1,000.

Tiga universiti itu adalah antara lapan universiti Malaysia yang termasuk dalam 1,000 universiti teratas, berbanding tujuh pada 2017.

Lima universiti lagi ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Petronas, yang termasuk dalam kelompok 601-800.



UNIVERSITI
MALAYA

“Malaysia adalah satu daripada negara universiti memuncol di Asia. Ia mencatat satu daripada kadar pertumbuhan terpantas dari segi penghasilan kertas penyelidikan (walaupun pada asas rendah), keupayaan latihan Doktor Falsafah (PhD) telah meningkat dan memiliki kemampuan besar yang diperlukan untuk melabur dalam sektor pendidikan tinggi.

“Sekiranya Malaysia memanfaatkan ciri ini, ia boleh menambah baik rankingnya dalam masa dua tahun akan datang,” kata THE.

Pengarah Editorial THE Global Rankings Phil Baty berkata adalah menggembirakan apabila melihat Malaysia menambah baik kedudukannya dari segi ranking, walaupun persaingan semakin sengit, dengan beberapa negara Asia lain begitu melonjak kedudukan mereka.

“Malaysia telah lama dianggap sebagai satu daripada negara uni-

versi memuncol paling terkemuka di Asia dan keputusan tahun ini menunjukkan usaha gigih yang dilakukannya kini mula membuahkan hasil,” kata beliau.

Baty berkata Malaysia perlu memastikan ia mampu mengekalkan pelaburannya dalam universiti jika ingin menambah baik kedudukannya di peringkat global.

THE World University Rankings adalah satu-satunya jadual prestasi yang membuat penghakiman tentang universiti berintensifkan penyelidikan, yang merangkumi bidang pendidikan, penyelidikan, pemindahan pengetahuan dan gambaran antarabangsa.

Di peringkat global, University of Oxford, United Kingdom (UK) kekal di tempat teratas dalam THE World University Rankings 2018; University of Cambridge, UK (tempat kedua), California Institute of Technology, Amerika Syarikat (Amerika) dan Stanford University, Amerika (tempat ketiga) dan Massachusetts Institute of Technology, Amerika (tempat kelima). - BERNAMA